

# Data, maklumat bantu kenal pasti permasalahan

Kerajaan perlu statistik bersepadu untuk tindakan lebih berkesan

**Putrajaya:** Kerajaan memerlukan data dan maklumat bagi mengenal pasti permasalahan yang wujud dalam menghadapi pelbagai isu, terutama ketika pelaksanaan pemulihan pasca COVID-19.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, senario yang dihadapi ketika penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) jelas menunjukkan bahawa ketersediaan data atau statistik negara yang kejet

serta bersepadu amat kritikal dan diperlukan.

“Pelbagai keputusan dan tindakan yang berkesan dapat dibuat sekiranya terdapat maklumat yang tepat dan masa nyata” menurut kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Katanya, dengan adanya statistik, ketidakseimbangan sosioekonomi dapat diperbaiki dan kompleksiti serta ketidakpastian

dapat dikurangkan.

Sambutan Hari Statistik Negara dan Sedunia 2020 dengan tema *Connecting the World With Data We Can Trust* akan diadakan secara maya hari ini berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor mulai 14 hingga 27 Oktober ini.

BERNAMA